



# SIARAN MEDIA

## Laporan Tahunan PKS 2015/16

**Kuala Lumpur, 30 September Jumaat 2016** – SME Corp. Malaysia hari ini telah mengeluarkan Laporan Tahunan PKS 2015/16 yang merupakan penerbitan ke-11 sejak ia mula diterbitkan pada tahun 2005. Sejak sedekad yang lalu, PKS Malaysia telah menunjukkan prestasi yang amat baik, dengan mencatatkan pertumbuhan yang mengatasi pertumbuhan ekonomi secara keseluruhan. Dalam tempoh 2011-2015, KDNK PKS berkembang pada kadar tahunan purata sebanyak 6.7% berbanding pertumbuhan purata KDNK keseluruhan sebanyak 5.3%. Hasilnya sumbangan PKS kepada KDNK meningkat daripada 32.2% pada tahun 2010 kepada 36.3% pada tahun 2015, disokong oleh pertumbuhan PKS merentasi semua sektor ekonomi.

Melangkah ke hadapan bagi tahun 2016, perniagaan PKS berkemungkinan menghadapi tahun yang lebih mencabar, disebabkan kelemahan ekonomi global yang berterusan dan tahap ketidakpastian yang tinggi serta jangkaan pertumbuhan yang sederhana bagi ekonomi Malaysia. Oleh itu, pertumbuhan KDNK PKS diunjurkan berkembang sebanyak 5.0 - 5.5% pada tahun 2016 (2015: 6.1%). Pertumbuhan ini adalah berdasarkan jangkaan berlakunya kemerosotan permintaan luar yang mendadak, turun naik dalam pasaran kewangan berikutan ketidaktentuan hala tuju dasar pasaran di negara maju serta kejatuhan permintaan dalam negeri luar jangka.

Berdasarkan kepada Kaji Selidik PKS Suku Pertama Tahun 2016 (saiz sampel 2,176 PKS) yang dijalankan oleh SME Corp. Malaysia, prestasi perniagaan PKS menunjukkan peningkatan secara berperingkat. Lebih ramai responden mencatatkan peningkatan jualan dan keuntungan berbanding dengan hasil Kaji Selidik PKS Suku Ketiga Tahun 2015. Melangkah ke hadapan, PKS menjangkakan peningkatan prestasi perniagaan secara berperingkat seperti yang dicerminkan melalui prospek jangka pendek yang lebih baik dan pesanan atau tempahan lebih tinggi yang diterima oleh responden kaji selidik.

Laporan Tahunan PKS ini meliputi program pembangunan PKS dan keusahawanan yang telah dilaksanakan pada tahun 2015 dan yang sedang dijalankan pada tahun 2016. Laporan ini juga merangkumi sorotan khas inisiatif berkaitan PKS, peluang dan manfaat kepada PKS serta kisah kejayaan PKS. Pada tahun 2015, Kerajaan telah melaksanakan sejumlah 150 program pembangunan PKS dan keusahawanan dengan dana bernilai RM5 bilion yang memberi manfaat kepada lebih daripada 580,000 PKS. Program ini kebanyakannya tertumpu kepada lima bidang tumpuan di bawah Pelan Induk PKS (2012-2020), iaitu penerapan teknologi dan inovasi, pembangunan modal insan dan keusahawanan, akses kepada pasaran, akses kepada pembiayaan dan infrastruktur. Bagi tahun 2016, sejumlah 125 program pembangunan PKS dan keusahawanan sedang dilaksanakan oleh pelbagai Kementerian dan agensi, dengan komitmen kewangan bernilai RM4.4 bilion.

Laporan ini merupakan usaha sama oleh kedua-dua Kementerian dan agensi Kerajaan Persekutuan serta Kerajaan Negeri. Kira-kira 19 Kementerian dan lebih daripada 60 agensi, termasuk Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak, adalah ahli bagi Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK), yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri.

Laporan Tahunan ini juga disediakan dalam bentuk buku ringkasan bermaklumat grafik dwibahasa bagi dirujuk secara pantas dan mudah. Laporan ini dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris kedua-duanya boleh didapati dengan memuat turun di laman sesawang SME Corp. Malaysia, [www.smecorp.gov.my](http://www.smecorp.gov.my). Salinan berbentuk buku laporan boleh diperolehi dengan harga RM30.00 dari Pusat Rujukan Setempat SME Corp. Malaysia.

Untuk maklumat lanjut mengenai Laporan Tahunan ini, sila hubungi:

Puan Maizatulliza Zakaria  
03-27756257 atau emel [maiza@smecorp.gov.my](mailto:maiza@smecorp.gov.my)

Cik Alida Adam  
03-27756292 atau emel [alida@smecorp.gov.my](mailto:alida@smecorp.gov.my)

Bahagian Ekonomi dan Perancangan Dasar  
SME Corporation Malaysia  
30 September 2016